

Anugerah 'Minda Agung' untuk Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 20 Mei – Tun Dr. Mahathir Mohamad malam ini dianugerahkan Anugerah 'Minda Agung' oleh Persatuan Rekacipta dan Rekabentuk Malaysia (MINDS) di atas sumbangan besar beliau dalam meneraju kemajuan negara.

Sumbangan itu disampaikan oleh Presiden MINDS, Tan Sri Dr. Augustine S. H. Ong sempena Malam Budaya Cipta 2006 dan ulang tahun ke-20 persatuan ber-

kenaan.

UM-20/5/2006
Ia turut dihadiri oleh isteri bekas Perdana Menteri itu, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Dr. Mahathir dalam ucapannya menghargai anugerah tersebut dan percaya rakyat Malaysia mampu mencipta lebih banyak kejayaan dalam bidang reka cipta dan reka bentuk.

"Kita percaya, rakyat Malaysia boleh melakukan apa yang orang

lain buat. Sebab itulah kita mewujudkan slogan Malaysia Boleh," katanya di sini malam ini.

Beliau berkata, keupayaan rakyat Malaysia dalam bidang mereka bentuk dan mereka cipta boleh dilihat malam ini apabila ramai pereka cipta muda berjaya menghasilkan produk yang beliau sendiri tidak mengetahuinya.

Sehubungan itu, beliau berharap pemikiran kreatif rakyat Malaysia

akan terus berkembang demi kesejahteraan negara.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir menyampaikan Anugerah Pereka-bentuk Terbaik Pertubuhan Harta Intelek Dunia (WIPO) kepada Universiti Sains Malaysia (USM) di atas kejayaannya menggondol 10 pingat emas sepanjang Pertandingan Reka Bentuk, Inovasi, Reka Cipta Industri dan Pameran Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2006.